

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KECENDERUNGAN  
PELAJAR ANTARABANGSA KE UNIVERSITI  
MALAYSIA SABAH**

**HERLINA JUPITER**



**FAKULTI KEWANGAN ANTARABANGSA LABUAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2020**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGAKUAN**

"Saya mengaku bahawa tesis ijazah sarjana yang telah lengkap ini merupakan hasil inisiatif usaha dan kerja saya sendiri, kecuali petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perjelaskan melalui pernyataan butiran tentang sumbernya. Segala hasil dan perbincangan yang terkandung dalam tesis ini adalah bertujuan untuk pembelajaran dan penyumbangan terhadap penulisan akademik."

21 Mei 2019

---

Herlina Jupiter

MG1611002T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **HERLINA JUPITER**  
NO MATRIK : **MG1611002T**  
TAJUK : **FAKTOR YANG MEMPENGARUHI  
KECENDERUNGAN PELAJAR ANTARABANGSA KE  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

IJAZAH : **SARJANA PERNIAGAAN**  
BIDANG : **PERNIAGAAN ANTARABANGSA**  
TARIKH VIVA : **17 SEPTEMBER 2019**



Dr. Irma Wani binti Othman

---

### **2. PENYELIA BERSAMA**

Prof. Dr. Hjh Norazah Mohd. Suki

---

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada Tuhan maha pengasih dan penyayang saya panjatkan atas limpah rahmat, kurniaan dan berkat yang diberikanNya maka lengkaplah hasil kajian dan penulisan tesis sarjana ini dalam tempoh yang ditetapkan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia, dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPP) UMS secara amnya kerana telah memberikan sekali lagi peluang kepada saya untuk meneruskan pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Perniagaan Antarabangsa. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada Penyelia utama saya iaitu Dr. Irma Wani Othman atas segala tunjuk ajar dan perkongsian ilmu yang diberikan kepada saya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan tulus ikhlas kepada kedua penyelia bersama dalam pengajian saya iaitu Prof. Dr. Hjh Norazah binti Mohd. Suki dan Dr. Mohd. Rizal bin Abdul Hamid atas bantuan dan sokongan sepanjang saya menuntut di UMS.

Kepada kedua ibu-bapa saya, suami, Harry Gan dan anak-anak tercinta Harrison, Hanson dan Hyerin saya amat bersyukur kerana kehadiran mereka telah memberi suntikan kekuatan dan semangat untuk saya tabah menghadapi setiap fasa pengajian dengan gigih sehingga ke akhirnya. Tidak dilupa juga kepada sahabat karib dan rakan seperjuangan, Puan Nor Azeanna dan Puan Saroja Sambas, Dr. Mohd. Safuan Yusoff, Encik Hasbullah bin Awang, Encik Muhamad Zubair Jamil dan Encik Rudie Adie Razak yang telah membantu dalam proses pencarian maklumat, serta sumbangan idea dan motivasi.

Akhir sekali, kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, jutaan terima kasih dirakamkan dan semoga Tuhan membalas segala kebaikan dan bantuan anda semua.

Sekian.

Herlina Jupiter

21 Mei 2019

## **ABSTRAK**


Umum mengetahui bahawa enrolmen pelajar antarabangsa ke universiti dalam negara merupakan agenda vital untuk memartabatkan konsep pengantarabangsaan sekali gus mencapai status universiti bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggariskan dua (2) objektif utama iaitu (i)mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran ke luar dari negara asal dan (ii)melakukan penilaian terhadap kecenderungan pelajar antarabangsa ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai destinasi pengajian luar negara. Kerangka Konseptual sarjana Suh Li Phang (2013) telah dijadikan rujukan sepanjang penyelidikan dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif. Seterusnya, seramai 20 responden daripada pelbagai kewarganegaraan telah dipilih secara rawak bagi mendapatkan data yang bersesuaian dengan tujuan kajian. Hasil penyelidikan mendapati bahawa, faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar antarabangsa ke UMS dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori signifikan iaitu (i) komunikasi (ii) lokasi dan (iii) sosial. Sebanyak satu (1) penemuan faktor bagi objektif pertama dan dua (2) penemuan faktor baharu untuk objektif kedua ditemui iaitu faktor kedudukan geografi bagi objektif pertama dan faktor inisiatif ejen serta faktor program pertukaran pelajar bagi objektif kedua. Sumbangan daripada penyelidikan ini adalah berbentuk pengetahuan tentang faktor pemilihan UMS sebagai destinasi pengajian dan seterusnya boleh diadaptasi bagi merangka strategi peningkatan jumlah pelajar antarabangsa yang menjamin kelestarian pendidikan tinggi.



## **ABSTRACT**

### **FACTORS INFLUENCING INTERNATIONAL STUDENTS' TENDENCY TO UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

*It is known that the enrollment of international students into local universities is a vital agenda for upholding internationalization concept and achieving world-class university status by 2020. This research is conducted by outlining two (2) main objectives (i) to identify factors that influence the tendency of international students to pursue further study abroad and (ii) to assess the international student's tendency in University Malaysia Sabah (UMS) as the destination of study abroad. The conceptual framework of Suh Li Phang (2013) has been referred throughout the research conducted using the qualitative research method. Subsequently, a total of 20 respondents from various nationalities were randomly selected to obtain data that fit the purpose of the study. The research has found that factors influencing the international student's tendency to UMS are classified into three important categories: (i) communication (ii) location and (iii) social. One (1) new factor has been discovered for the first objective and two (2) new factors for the second objective. They are geographical positioning factor for the first objective, agent initiative factor and also the student exchange program factor for the second objective. The contribution of this research is in the knowledge of UMS selection factors as the study destination and can be adapted to formulate strategies for increasing number of international students to ensure higher education sustainability.*



## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Skop Kajian	15
1.8 Definisi Konsep	16



1.9 Pengorganisasian Tesis	18
----------------------------	----

## BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	20
2.2 Definisi Pengantarabangsaan dan Pelajar Antarabangsa	21
2.2.1 Definisi Pengantarabangsaan	21
2.2.2 Definisi Pelajar Antarabangsa	23
2.3 Memahami Keputusan Pelajar Antarabangsa	24
2.4 Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran ke luar dari negara asal.	26
i. Faktor komunikasi	28
ii. Faktor Lokasi	29
iii. Faktor Sosial	32
2.5 Kerangka Konseptual	36
2.5.1 Faktor Komunikasi	36
2.5.2 Faktor Lokasi (Tarikan Destinasi Pengajian)	39
2.5.3 Faktor Sosial (Jaringan Sosial)	43
2.6 Jurang Penyelidikan	46
2.7 Kesimpulan	47
2.8 Ringkasan Bab	48

## BAB 3: METODOLOGI

3.1 Pengenalan	49
3.2 Persampelan kajian	49
3.2.1 Ciri-ciri Sampel	50

3.2.2 Teknik Persampelan	51
3.2.2.1 Persampelan Bertujuan	51
3.2.3 Saiz Sampel	52
3.3 Pengumpulan Data	53
3.4.1 Protokol Temu Bual	53
3.4.2 Temu Bual Mendalam	53
3.4 Kajian Rintis	57
3.5 Analisis Data	57
3.6.1 Transkripsi	58
3.6.2 Pengekodan	59
3.6 Jaminan Etika	59
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan	61
3.7.1 Kesahan	61
3.7.2 Kebolehpercayaan	62
3.8 Ringkasan Bab	63

#### **BAB 4: ANALISIS DATA**

4.1 Pengenalan	64
4.2 Demografi Responden	65
4.3 Pengekodan Hasil Dapatan	67
4.4 Objektif 1: Faktor Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Antarabangsa untuk belajar di Luar Negara asal	70
4.4.1 Faktor Komunikasi	70

4.4.2 Faktor Lokasi : Tarikan Destinasi Pengajian	75
4.4.2.1 Imej Institusi	76
4.4.2.2 Program dan Kursus	78
4.4.2.3 Bahasa	79
4.4.2.4 Persekutaran Antarabangsa	81
4.4.2.5 Budaya	82
4.4.2.6 Kos	83
4.4.2.7 Kedudukan Geografi	85
4.4.3 Faktor Jaringan Sosial	86
4.4.3.1 Keluarga dan Rakan	86
4.4.3.2 Ahli Akademik	87
4.4.3.3 Testimoni Pelajar	88
4.5 Objektif 2: Penilaian terhadap keputusan pelajar antarabangsa ke Universiti Malaysia Sabah (UMS)	89
i. Pameran Akademik	90
ii. Inisiatif Ejen	91
iii. Persekutaran Antarabangsa UMS	91
iv. Bahasa	92
v. Budaya Sabah	92
vi. Peluang Pekerjaan	93
vii. Imej Universiti	93
viii. Program dan Kursus yang ditawarkan di UMS	94

ix. Kos	95
x. Pengalaman Antarabangsa	95
xi. Program Pertukaran Pelajar	95
xii. Ahli Akademik	96
xiii. Testimoni pelajar dan Alumni	96
4.5 Ringkasan Bab	96

## **BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	98
5.2 Rumusan dan Sumbangan Terhadap Data Empirikal	98
5.3 Sumbangan Terhadap Data Teoritikal	105
5.4 Limitasi Kajian	101
5.4.1 Universiti Malaysia Sabah (UMS) Sebagai Kajian Kes Pilihan	107
5.4.2 Persampelan	107
5.4.3 Limitasi Kajian	108
5.5 Halatuju	109
5.6 Kesimpulan	110
<b>RUJUKAN</b>	112
<b>LAMPIRAN</b>	120

## **SENARAI JADUAL**

	Halaman	
Jadual 1.1	Pendaftaran Pelajar Antarabangsa di IPTA Malaysia (2009-2016)	4
Jadual 1.2	Sasaran dan Pencapaian Pelajar Antarabangsa di Universiti Awam (UA) Sehingga Jun 2016	5
Jadual 2.1	Implementasi dalam reka bentuk laman web daripada Wurtz (2006).	38
Jadual 3.1	Senarai soalan temubual	55
Jadual 4.1	Ciri-ciri Demografi Responden	65
Jadual 4.2	Profil Demografi (Kewarganegaraan)	66
Jadual 4.3	Faktor Komunikasi (Saluran Komunikasi atas talian)	71
Jadual 4.4	Faktor Komunikasi (Saluran Komunikasi Bukan atas talian)	75
Jadual 4.5	Faktor Lokasi (Imej Institusi)	76
Jadual 4.6	Faktor Lokasi (Program dan Kursus yang ditawarkan)	78
Jadual 4.7	Faktor Lokasi (Bahasa)	79
Jadual 4.8	Faktor Lokasi (Persekutaran Antarabangsa)	81
Jadual 4.9	Faktor Lokasi (Budaya)	82
Jadual 4.10	Faktor Lokasi (Kos)	83
Jadual 4.11	Faktor Lokasi (Kedudukan Geografi)	85
Jadual 4.12	Faktor Sosial : Jaringan Sosial	86
Jadual 4.13	Faktor Penyebab Pelajar Antarabangsa ke UMS	89
Jadual 4.14	Pengekodan Tematik	68


## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 1.1      Statistik Enrolmen Pelajar Antarabangsa (Prasiswazah) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sehingga Sesi 2016/2017 (Februari)	8
Rajah 1.2      Kerangka Konseptual Suh Li Phang (2013)	45



## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran 1 Transkripsi 1-20	120
Lampiran 2 Soalan Temubual	165
Lampiran 3 Protokol Temubual	167
Lampiran 4 Jadual Demografi	170
Lampiran 5 <i>Consent Form</i>	171



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Dalam usaha negara untuk melangkah ke Wawasan 2020, pengantarabangsaan terutamanya dalam sektor pendidikan tinggi adalah sudah tidak asing lagi dan menjadi antara faktor utama yang sering dibincangkan secara kritikal bukan sahaja di negara Malaysia bahkan di institusi pengajian tinggi seluruh dunia. Pengantarabangsaan universiti juga telah menjadi salah satu agenda yang vital dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan seluruh warga universiti mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan secara efektif dalam mengeksploitasi segala sumber termasuklah sumber fizikal, intelektual dan modal insan bagi mencapai matlamat negara untuk menjadi hab kecemerlangan akademik dan semakin terlihat di peringkat antarabangsa. PSPTN dianggap sebagai asas perubahan serta transformasi pengajian tinggi negara merangkumi pelbagai idea, tindakan, inisiatif, penampaikan dan polisi antarabangsa pengurusan universiti. Dalam konteks tersebut, universiti bertanggungjawab mendokong misi IPT menuju ke arah pengantarabangsaan melalui jalinan hubungan kukuh di peringkat global yang berupaya melicinkan aktiviti warga akademik, penyelidik, pelajar, serta mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif yang bertaraf dunia bagitujuan promosi aktiviti perekrutan tokoh sarjana akademik dan juga pelajar antarabangsa (Irma et al., 2017).

Setiap institusi pengajian tinggi dalam negara melalui PSPTN telah digesah untuk menerapkan aktiviti pengantarabangsaan dalam misi, visi, objektif serta pelan strategik di peringkat universiti. Selain itu, program pengajian, pengurusan bakat

akademik, pendekatan penyelidikan serta jangkauan agensi turut dilibatkan secara aktif. Di Malaysia, pengantarabangsaan pendidikan tinggi telah meletakkan negara ini berada dalam jaringan global melalui ikatan memorandum persefahaman dan memorandum perjanjian bersama institusi-institusi luar negara. Jaringan antarabangsa ini diperkuuhkan lagi dengan penubuhan kursi pengajian Melayu di universiti luar negara seperti Ohio University (Amerika Syarikat), Leiden University (Belanda), Victoria University (New Zealand) dan Beijing Foreign Studies University (China).

Bagi mencapai matlamat negara dalam pengantarabangsaan juga, adalah menjadi keutamaan setiap institusi pengajian tinggi untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan peringkat tertiar dan menumpukan kepada semua entiti yang terlibat dalam pengantarabangsaan pendidikan tinggi iaitu universiti, pelajar antarabangsa dan ahli akademik. Kemasukan pelajar antarabangsa dan ahli akademik dari luar negara ke Malaysia sesungguhnya dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi menerusi pertukaran mata wang asing. Melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) juga dinyatakan bahawa salah satu matlamatnya adalah untuk meningkatkan bilangan enrolmen pelajar antarabangsa di seluruh peringkat pengajian termasuklah peringkat sekolah dan universiti awam ataupun swasta menjelang tahun 2020. Di peringkat universiti, pelajar antarabangsa merupakan entiti signifikan yang menyumbang kepada promosi jenama atau pasaran universiti. Justeru, usaha gigih perlu dilaksanakan agar Malaysia mampu bersaing dengan negara luar untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa yang berkualiti ke universiti tempatan. Di samping itu, universiti juga perlu bersikap kompetitif dalam merangka pelan strategik yang lebih efektif bagi meningkatkan pengantarabangsaan di peringkat dalaman.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Falsafah pendidikan negara menyatakan bahawa "Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan

kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.” Maka negara kita memerlukan sebuah sistem pengajian tinggi yang kompetitif dan relevan bagi memastikan kecemerlangan Malaysia di peringkat global (Shankar, 2013). Penekanan juga perlu diberikan kepada sektor pendidikan secara keseluruhannya kerana ia merupakan platform utama yang bukan sahaja berupaya melahirkan modal insan tetapi juga meliputi ilmu dan akhlak. Pengantarabangsaan memberi impak kepada kualiti sistem dan kurikulumnya sendiri. Kegagalan mencapai piawaikualiti pendidikan bertaraf antarabangsa dari masa ke semasa secara tidak langsung memberi kesan kepada generasi akan datang dalam aspek peluang pekerjaan, kualiti pendidikan, penguasaan bahasa serta rohani dan jasmani.

Pelbagai inisiatif pengantarabangsaan telah dirangka dan dilaksanakan bagi memperkayakan interaksi, pengalaman dan pendedahan mahasiswa IPT di arena global. Namun, sejauh manakah pencapaian IPT dalam pengamalan serta kemampuan menangani cabaran dan isu pengantarabangsaan yang timbul. Dalam pengantarabangsaan, universiti perlu memberikan fokus kepada pembangunan dan penyampaian ilmu, pelajar, ahli akademik serta jangkauan global (Utusan Online, 2016). Tanggungjawab untuk mengiringi sektor pendidikan tinggi negara agar selari dengan pengantarabangsaan bukan sesuatu yang mudah namun ia perlu dilaksanakan demi kebaikan masa depan negara. Di tengah kerancakan revolusi dan transformasi pengantarabangsaan, terdapat juga isu dan kesan pengantarabangsaan yang bakal dihadapi. Antaranya termasuklah penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh mempengaruhi kualiti penyampaian akademik, masalah pengeluaran visa pelajar, persilangan budaya dan sosial yang membawa kepada kebimbangan etika serta pengkomersilan pendidikan sebagai sumber menjana keuntungan semata-mata. Oleh itu, langkah yang lebih proaktif dalam pelan perancangan jangka masa pendek atau jangka masa panjang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan universiti dan sektor pengajian tinggi untuk menangani isu berkenaan (Hasnah, 2017).

Realitinya, institusi pengajian tinggi Malaysia telah menyahut saranan tersebut secara positif dan melaksanakan dasar pengantarabangsaan yang diperkenalkan oleh kerajaan. Pelbagai kemudahan prasarana pendidikan dipertingkatkan agar menepati dan memenuhi ciri-ciri kehendak dan keperluan semasa. Peningkatan kemasukan pelajar antarabangsa semenjak dasar ini diperkenalkan memberi implikasi bahawa sistem pendidikan tinggi negara bergerak ke arah mencapai tahap antarabangsa. Scenario ini memberi peluang kepada pertukaran budaya antara pelajar antarabangsa dengan pelajar tempatan serta dapat mewujudkan ikatan ukhwah antara kedua-dua negara terlibat (Hasnah, 2017).

**Jadual 1.1 Pendaftaran Pelajar Antarabangsa di IPTA Malaysia (2009-2018)**

Tahun	Jumlah pelajar berdaftar
2009	22,456
2010	24,214
2011	25,855
2012	26,232
2013	28,826
2014	27,042
2015	26,405
2016	25,824
2017	33,095
2018	39,099
<b>Jumlah</b>	<b>279,048</b>

Sumber: Statistik Pendidikan Tinggi 2009-2018 (Dikemaskini setiap tahun):  
<https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/laporan-dan-statistik/pendidikan-tinggi/buku-perangkaan>  
[diakses pada 1 oktober 2019]

Jadual di atas merupakan statistik jumlah pelajar antarabangsa berdaftar di semua institut pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia dari tahun 2009 sehingga tahun 2018. Berdasarkan statistik berkenaan, sejak dari tahun 2009 terdapat peningkatan jumlah pelajar antarabangsa secara konsisten di Malaysia itu iaitu daripada 22,456 pelajar antarabangsa pada tahun 2009 kepada 28,826 pelajar antarabangsa pada tahun 2013. Berlaku penurunan pada tahun 2013 iaitu daripada seramai 28,826 pelajar antarabangsa berdaftar kepada 25,824 pelajar antarabangsa pada tahun 2016. Seterusnya, pada tahun 2017, peningkatan sebanyak 7271 pelajar antarabangsa telah dicatatkan sehingga pada tahun 2018. Usaha untuk meningkatkan pengantarabangsaan di peringkat pengajian tinggi dapat dilihat

melalui pertambahan bilangan pelajar antarabangsa berdaftar dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, penurunan jumlah pelajar antarabangsa yang berlaku dapat memberi indikasi bahawa pemilihan sesebuah negara sebagai destinasi pengajian di luar negara oleh pelajar antarabangsa telah mengalami peralihan dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor (Wu et.al, 2015).

**Jadual 1.2 Sasaran dan Pencapaian Pelajar Antarabangsa di Universiti Awam (UA) Sehingga Jun 2016**

UNIVERSITI AWAM (UA)	DISEMBER 2015		SASARAN 2016		JUN 2016	
	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca
UKM	3,217	2,643	4,340	3,923	<b>2,475</b>	<b>2,147</b>
UM	5,090	3,517	4,320	3,811	<b>4,638</b>	<b>3,341</b>
UPM	4,143	3,625	4,425	4,000	4,201	3,664
USM	2,037	1,805	4,659	4,211	2,098	1,867
UTM	3,563	3,033	4,731	4,276	3,735	3,143
UMP	544	318	700	320	551	325
UNIMAP	993	344	950	365	1,000	351
UTEM	491	258	650	200	<b>408</b>	259
UTHM	668	543	630	440	<b>666</b>	<b>541</b>
UIAM	6,510	2,657	6,500	2,500	<b>6,031</b>	2,758
UITM	373	199	300	300	383	211
UMS	684	160	650	120	<b>665</b>	<b>145</b>
UNIMAS	463	193	550	300	479	214
UMK	72	63	200	140	73	64
UMT	141	118	135	125	142	119
UNISZA	240	178	300	200	301	239
UPNM	53	3	50	20	102	4
UPSI	245	143	400	250	247	145
USIM	771	622	874	742	809	660
UUM	3,098	1,893	3,000	1,900	<b>2,922</b>	1,896
<b>Jumlah</b>	<b>33,396</b>	<b>22,315</b>	<b>38,364</b>	<b>28,143</b>	<b>31,926</b>	<b>22,093</b>

Sumber: Pejabat Pengurusan Program (PMO), KPT Malaysia

Maklumat dalam Jadual 1.2 telah diperolehi daripada Pejabat pengurusan Program (PMO), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) pada tahun 2016 memperlihatkan pencapaian dalam jumlah pelajar antarabangsa pada tahun 2015 hingga tahun 2016 mengikut universiti awam di Malaysia. Berdasarkan jadual di atas, dapat diperhatikan bahawa peningkatan pelajar antarabangsa di negara kita telah

bertambah iaitu seramai 55,711 (pelajar program prasiswazah dan program pascasiswazah) pada tahun 2015 dan seterusnya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia telah menyasarkan seramai 66,507 pelajar antarabangsa untuk mendaftar pada tahun seterusnya. Walau bagaimanapun, sasaran 2016 itu tidak tercapai kerana berlakunya penurunan jumlah pelajar antarabangsa sebanyak 1692 pelajar pada tahun 2016 yang direkodkan dengan jumlah keseluruhan iaitu seramai 54,019 pelajar. Statistik kemasukan pelajar antarabangsa masih menunjukkan perubahan yang tidak konsisten kerana ada kalanya jumlah pelajar antarabangsa meningkat dan kadangkala jumlah tersebut menurun tanpa pola yang tetap. Berdasarkan jadual tersebut juga, didapati bahawa sebanyak tujuh buah universiti daripada 20 universiti awam telah mencatatkan penurunan yang sangat ketara sama ada bagi kategori pelajar antarabangsa program prasiswazah mahupun program pascasiswazah atau penurunan jumlah pelajar antarabangsa bagi kedua-dua program sekali gus (PMO, 2016). Daripada tujuh buah universiti awam tersebut, enam daripadanya terletak di Semenanjung, Malaysia, manakala sebuah universiti awam iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS) terletak di timur Malaysia iaitu di negeri Sabah dalam Kepulauan Borneo yang terkenal dengan pelbagai keunikan budaya etnik masyarakat, sumber alam semulajadi dan monumen sejarah yang menjadikannya sebagai sebuah lokasi yang strategik dengan imej destinasi pelancongan (Rosmalina, 2012).

Negeri Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai kedudukan yang terletak di utara Kepulauan Borneo. Khazanah alam semulajadi Negeri di bawah bayu ini serta landskap dan hutan tropika yang kaya dengan kepelbagaiannya telah memberi keistimewaan dan keunikan tersendiri kepada Sabah sebagai tempat yang paling sesuai untuk mempelajari budaya dan bio-pemuliharaan. Sabah terdiri daripada 33 kumpulan pribumi yang berkomunikasi mencakupi lebih daripada 50 bahasa yang dituturkan, serta menggunakan 80 dialek selain daripada menggunakan bahasa Melayu ([ums.edu.my](http://ums.edu.my)). Masyarakat Sabah merupakan contoh terbaik di Malaysia yang merangkumi bukan sahaja masyarakat majmuk yang bertoleransi tinggi, malahan mementingkan aspek perpaduan dalam kehidupan seharian mereka. Elemen perpaduan kaum inilah yang menjadi pendukung dalam melahirkan masyarakat Sabah sebagai sebuah negeri yang membangun dan maju malahan ciri

tersebut telah menambahkan nilai keunikan sabah sebagai destinasi pelancongan di Malaysia (Abd Hakim et.al, 2018). Pemilihan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bukan hanya disebabkan oleh lokasi dan keistimewaan yang mempunyai pelbagai potensi dalam pelbagai bidang, malahan potensi Sabah sebagai negeri yang berupaya mengembangkan sektor pelancongan, pertanian dan penanaman, perindustrian telah meletakkan kewajaran perlaksanaan penyelidikan ini. Secara terperinci, UMS merupakan salah sebuah universiti komprehensif daripada 20 buah universiti awam di Malaysia. Universiti ini telah ditubuhkan pada tahun 1994 dan merupakan IPTA ke-9 ditubuhkan di Malaysia.

Matlamat penubuhan UMS adalah untuk menjana sumber manusia yang memenuhi keperluan negara serta menghasilkan graduan yang berbakat, berkemahiran tinggi dan mengkhusus dalam variasi bidang. Dari segi tenaga akademik, UMS mempunyai lebih 1200 kakitangan akademik yang mana 483 staf adalah berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) atau setaraf. Sejak tahun 2015, UMS tidak lagi beroperasi semata-mata sebagai pusat pengajian tinggi tetapi telah bekerjasama dengan industri, kerajaan serta masyarakat bagi peningkatan penjanaan, pembangunan dan pengkomersilan idea serta inovasi.


Manakala, dalam pembelajaran dan pengajaran UMS menekankan pendekatan secara holistik terhadap aktiviti dan proses pengajaran serta pembelajaran secara teori ataupun praktikal. QS World University Ranking 2015 telah meletakkan UMS pada kedudukan 151-200 bagi subjek Pertanian dan Perhutanan. Bagi penilaian yang sama juga UMS telah menduduki tempat ke-36 di peringkat Asia dan tempat kedua di Malaysia ([ums.edu.my](http://ums.edu.my)).

Seiring dengan itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah ditubuhkan sebagai sebuah universiti komprehensif apabila parlimen meluluskan penubuhannya setelah diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di bawah seksyen 6 (1) Akta Universiti dan Kolej 1971 telah menubuhkan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa (PHEA) yang kini dikenali sebagai Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global (PPPG) bagi mendokong misi universiti menuju ke arah pengantarabangsaan melalui jalinan hubungan kerjasama antarabangsa kukuh, melicinkan aktiviti pertukaran

warga akademik, penyelidik dan pelajar, mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif kepada pelajar antarabangsa dan seterusnya meningkatkan promosi serta aktiviti perekrutan pelajar antarabangsa (Irma *et. al*, 2014).

Berdasarkan Pelan Strategik UMS-*Key Result Area* (KRA)-3 2015-2022 iaitu mempertingkatkan keterlihatan dan reputasi di peringkat antarabangsa, dapat disimpulkan bahawa UMS ingin mencapai peningkatan dalam pengantarabangsaan menerusi objektif KRA-3 itu sendiri. Terdapat empat objektif strategi yang digariskan sebagai KPI pengantarabangsaan UMS iaitu (i) meningkatkan pencapaian dan kejayaan di peringkat antarabangsa, (ii) menambah jumlah pelajar antarabangsa, (iii) memperhebatkan mobiliti pelajar dan staf seterusnya (iv) meningkatkan hubungan jalinan kerjasama di antara institusi, badan serta agensi antarabangsa.

**Rajah 1.1: Statistik Enrolmen Pelajar Antarabangsa (Prasiswazah) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sehingga Sesi 2016/2017**



Sumber: Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global (PPPG) UMS  
[data diterima pada 31 Januari 2018]

Kebanyakan universiti awam di Malaysia telah menunjukkan peningkatan dalam jumlah pelajar antarabangsa. Namun Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mencatatkan pola enrolmen pelajar antarabangsa (prasiswazah) yang tidak sekata dan akhirnya menurun sehingga pada Sesi 2016/2017 iaitu daripada 197 enrolmen kepada 150 jumlah enrolmen seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Sedangkan pada hakikatnya dengan keunikan UMS dari pelbagai aspek seperti lokasi, persekitaran dan imej sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam di Malaysia

seharusnya berupaya mendorong lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran ke universiti ini.

Justeru, pengkaji berpendapat bahawa untuk memastikan matlamat pengantarabangsaan institusi pengajian tinggi tercapai dengan kemasukan pelajar antarabangsa ke universiti meningkat secara berterusan adalah penting untuk memahami serta mendalami pengetahuan terhadap faktor-faktor yang menyebabkan pelajar antarabangsa datang ke Malaysia dan memilih UMS. Oleh yang demikian, kajian ini memberi fokus dalam meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar antarabangsa memilih UMS sebagai destinasi pengajian mereka.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian ini bertitik tolak daripada beberapa keperluan dan permasalahan yang timbul rentetan dari kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi Malaysia secara umumnya dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) secara khususnya. Permasalahan tersebut boleh dilihat melalui dua perspektif. Pertama, dari perspektif kemasyarakatan iaitu aspek sosial di mana kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia telah memberi implikasi negatif terhadap pembudayaan luar yang dibawa masuk ke dalam komuniti masyarakat kampus negara ini.

Gelaja yang tidak sihat yang menular dalam kalangan pelajar tempatan didakwa berpunca dan dipengaruhi oleh pelajar antarabangsa yang membawa bersama mereka pelbagai masalah sosial. Salah satu aspek pencemaran budaya adalah apabila pelajar antarabangsa melibatkan pelajar tempatan dalam mendalangi aktiviti tidak bermoral dan melanggar Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Penularan gelaja sosial tersebut secara drastik boleh melahirkan masyarakat kampus yang terjebak dengan pelbagai kesukaran yang menjelaskan kualiti graduan negara kita. Pihak pengurusan universiti bukan sahaja berdepan dengan masalah etika dan moral yang mengundang berbagai masalah, tetapi juga yang akhirnya meningkatkan kadar jenayah dalam kalangan pelajar universiti.